

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 ( 43 )

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2012-2013)  
BILANGAN 3 TAHUN 2013**

**Tarikh : 28 Mac 2013 (Khamis)**  
**Masa : 10.30 Pagi – 12.30 Tengahari**  
**Tempat : Dewan Bunga Tanjung,  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir : Seperti dilampiran kehadiran**

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Aznan bin Haji Hasan, Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO KORPORAT**

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam telah ditayangkan selepas ucapan penangguhan dan mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Februari dan Mac 2013.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

3.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Beliau bersama warga kerja MBPJ akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti kepada penduduk Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak warga Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen penting yang perlu dikehadapkan.

- 3.2 Urusan Majlis akan berjalan seperti biasa walaupun ketika pembubaran dewan kerana Ahli Majlis dilantik di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Oleh itu business as usual. Sebagai contoh Majlis boleh terus melaksanakan projek MARRIS 2013 yang mana peruntukan bagi tujuan tersebut telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada minggu lepas. Majlis sedang dalam proses menyediakan BQ dan pengiklanan kerja-kerja tersebut.
- 3.3 Dalam membangunkan pembangunan semula harta-harta milik MBPJ ianya akan dilaksanakan secara *inhouse* di mana *concept and design* akan dibuat oleh MBPJ yang kemudiannya akan ditawarkan secara tender kepada kontraktor yang berkelayakan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut.
- 3.4 Di dalam menangani masalah aduan dan rungutan penduduk keatas jalan raya yang dikorek oleh agensi utiliti, Majlis akan melaksanakan dasar papan kenyataan bergerak (*mobile electronic notice board*) yang mana syarikat-syarikat utiliti seperti SYABAS, TNB, TM dan lain-lain akan memaklumkan kepada orang ramai melalui papan kenyataan ini kerja-kerja yang sedang dijalankan supaya orang ramai boleh terus menghubungi syarikat utiliti tersebut. Ini bermakna sebarang aduan berkaitan perkara tersebut boleh disalurkan terus kepada syarikat berkaitan.
- 3.5 Selain itu, MBPJ telah bersetuju untuk membeli 4 unit kompaktor daripada KDEB, selebihnya 12 lagi disewakan kepada PBT lain. Sementara proses pindah milik dari nama MBPJ kepada PBT lain dilakukan oleh KDEB, *undertaking letter* akan dikeluarkan kepada MBI (*Menteri Besar Incorporated*).
- 3.6 Keresahan pengguna jalanraya keatas kesesakan lalulintas di Petaling Jaya berlaku disebabkan ketidak seimbangan jumlah isipadu kenderaan yang tinggi berbanding ruang jalan dan bilangan lorong yang disediakan. Lebih 51% persimpangan utama beroperasi pada tahap perkhidmatan 'F' pada waktu puncak. Pemilikan kenderaan persendirian yang tinggi 1:3.5 dan pergantungan tinggi iaitu melebihi 85% terhadap kenderaan persendirian menjadi punca masalah kesesakan lalulintas.

Majlis akan melaksanakan strategi pembangunan gunatanah berorientasi transit (**Transit Oriented Development - TOD**) bagi mengurangkan pergerakan bandar, kesesakan lalulintas dan pencemaran udara. Pembangunan yang berintensiti tinggi akan ditumpukan di kawasan TOD dengan dilengkapi kemudahan awam yang diintegrasikan dengan laluan pejalan kaki di dalam bangunan atau laluan pejalan kaki berbumbung. Kemudahan 'park and ride'

akan disediakan di Stesen MRT dan LRT. Bagi stesen – stesen LRT sedia ada, Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah seluas 47 ekar kepada MBPJ bagi penyediaan Tempat Letak Kereta kepada pengguna LRT.

Majlis akan menyediakan kira-kira 3,300 petak letak kereta di dalam jarak 400 meter daripada 4 stesen LRT sedia ada iaitu Stesen Kelana Jaya, Taman Bahagia, Taman Paramount dan Asia Jaya dengan kemudahan laluan pejalan kaki berbumbung dan kemudahan lanskap. Projek ini akan dimulakan pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak kira-kira RM9 juta dan dijangka siap dalam tempoh 2 tahun. Projek ini akan dapat menyelesaikan lebih 600 aduan awam yang diterima pada tahun 2012 berkaitan pengguna LRT meletak kenderaan di hadapan rumah penduduk.

Selain itu, pengangkutan awam melalui 'Bus Rapid Transit' (BRT) yang menyediakan '*Dedicated Bus Lane*' akan dibangunkan di kawasan Petaling Jaya. Syarikat Prasarana Negara Berhad dan Sunway Berhad akan membina sistem BRT sejauh 5.41 km dari Stesen Komuter Setia Jaya ke Stesen USJ. Projek ini akan mengurangkan kira – kira 16 ribu kenderaan persendirian daripada melalui kawasan Petaling Jaya dan USJ Subang.

SPAD pula akan membangunkan sistem BRT daripada Shah Alam ke Kuala Lumpur melalui Lebuhraya Persekutuan. Jarak yang akan diliputi adalah sejauh 33 km. Projek ini dijangka akan mengurangkan kesesakan lalulintas yang berlaku di Lebuhraya Persekutuan.

### 3.7 **PENGANGKUTAN AWAM – MENGIMBAS PENGALAMAN BANDARAYA VANCOUVER**

Bandaraya Vancouver terletak di bahagian barat Kanada. Ianya mempunyai keluasan 114km persegi, merupakan bandaraya terbesar di British Columbia dan ketiga terbesar di Kanada. Jumlah penduduknya adalah seramai 603,502 berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2011. *City of Vancouver* adalah merupakan bandaraya persisiran pantai dan pelabuhan. Terdapat banyak program yang sedang dilaksanakan di Vancouver.

Antaranya perancangan green Vancouver, *liveable neighbourhood*, *Healty city for all*, *sustainable city*, mengadakan rumah mampu milik serta mengadakan pelan pengangkutan bagi tahun 2040 [*TRANSPORTATION 2040*].

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan

Tahun	Penggunaan Kenderaan Persendirian	Transit
1976	90%	10%
<i>Far Future</i>	75%	25%

Pencapaian yang telah diperolehi (Archivement)

Tahun	Penggunaan Kenderaan Persendirian	Transit	Berbasikal & Pejalan Kaki
1992	70%	15%	15%

Jangkaan akan datang

Tahun	Penggunaan Kenderaan Persendirian	Transit	Berbasikal & Pejalan Kaki
2021	58%	25%	17%

Walaubagaimanapun jangkaan ini telah tercapai pada tahun 2009, yakni 12 tahun awal dari tarikh diunjurkan iaitu pada 2021.

### 3.7.1 **TRANSPORTATION PLAN**

Bagi pelaksanaan plan ini MBPJ akan melibatkan penyertaan awam dan professional. Berdasarkan konsep ***Moving People and Moving Goods*** kriteria-kriteria berikut dititikberatkan. Ianya adalah pelaksanaan sistem pejalan kaki, laluan basikal, penggunaan bas rapid transit sebagai sistem pengangkutan awam yang utama, pengurusan pengangkutan barangan dan perkhidmatan serta penetapan dan pembangunan guna tanah.

Plan ini bakal dirangka berdasarkan tiga perkara utama; Ekonomi, Masyarakat dan Alam Persekitaran. Ianya merangkumi aspek kesihatan, keselamatan, *accessibility*, *affordability*, *public life* dan *resiliency*.

Pelan perancangan sejak 1997 ini mendapati :

Lokasi	Pertambahan penduduk	Pertambahan pekerjaan	Pengurangan kenderaan persendirian yang masuk
Pusat bandar	+18%	+16%	-5%
Down Town	+35%	+26%	-20%

Secara dasarnya pecahan berikut telah diperolehi :

Penggunaan Bas Rapid Transit	40%-60%
Pejalan Kaki	25% - 45%
Berbasikal	10% - 20%

Pelan pengangkutan ini berkonsepkan “*more trips fewer cars*”. *Trips* bermaksud pergerakan orang ramai sama ada menggunakan kenderaan persendirian, pengangkutan awam, basikal ataupun berjalan kaki bagi melaksanakan urusan harian di dalam sesuatu bandar tersebut.

Pada tahun 2008, 40% daripada jumlah trips adalah dengan basikal, berjalan kaki ataupun menggunakan pengangkutan awam. Berdasarkan dari *Plan Target Transportation 2040*, dijangkakan angka 40% ini akan meningkat kepada lebih 50%. Yakni lebih 2/3 dari jumlah trips di bandaraya Vancouver tidak menggunakan kenderaan persendirian.

Di samping itu juga perancangan dari segi faktor keselamatan jalanraya diberi keutamaan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Bandaraya Petaling Jaya ini harus mengambil inisiatif dan mencontohi apa yang sedang dilaksanakan oleh *City Of Vancouver*. Program-program yang sedang dilaksanakan oleh Majlis seperti Low Carbon City Framework, PJ Sustainable City, Pembangunan Bandar secara Transportation Oriented Development (TOD), Bandar Bebas Halangan, Bandar Selamat dan PJ Green City, adalah sejajar dengan apa yang sedang dilaksanakan di peringkat global pada masa ini.

Pelan Pengangkutan Bandar (*City Transportation Plan*) memainkan peranan utama di dalam menyokong pembangunan bandar yang mampan. Penglibatan professional secara menyeluruh seperti Jurutera, Perancang Bandar, Arkitek Senibina dan Lanskap adalah faktor penting di dalam mengenalpasti strategi dan halatuju yang mahu dicapai terhadap pembangunan bandar secara lestari.

Terdapat banyak kawasan di Petaling Jaya yang harus di beri nafas baru di dalam pembangunan dan penyediaan kemudahan untuk orang ramai. Kadar kesesakan jalanraya yang semakin meningkat dan pembangunan yang semakin padat memerlukan suatu bentuk *blueprint* diwujudkan bagi mengenalpasti apakah kaedah dan langkah yang perlu dilaksanakan di dalam Petaling Jaya menghadapi krisis kepanasan global dan *Green House Effect* ini.

### 3.7.2 SEKTOR GUNA TANAH

Bagi tujuan perancangan plan pengangkutan Awam menjelang tahun 2025 sektor guna tanah (land use) memainkan peranan penting. Bagi mencapai pelaksanaan penggunaan yang berkesan beberapa perkara dikenalpasti :

- Mengenalpasti kawasan utama yang akan mengujudkan banyak aktiviti berhampiran kawasan perhentian sistem pengangkutan awam yang sibuk.
- Menggalakan pembangunan berkepadatan tinggi berhampiran stesen/terminal sistem pengangkutan awam.
- Membina pusat-pusat komuniti yang lengkap atau mengadakan kawasan keperluan komuniti.
- Merekabentuk bangunan di persekitaran dengan lebih berkonsepkan universal. Terdapat kawasan perumahan di bandar tersebut yang mempunyai tempat meletak kereta di bahagian belakang premis mereka. Ini bertujuan agar sistem pejalan kaki dan kawasan hijau di tepian jalan dapat dibina dengan lebih luas dan berkesan sejajar dengan konsep bebas halangan, mengadakan stesen bas yang selesa, kehijauan bandar, bandar selamat dan menggalakkan konsep pembangunan *Low Carbon City*.

- 3.8 Di dalam Perhimpunan Bulanan Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Selangor yang lalu, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah menyeru supaya semua warga Selangor mencintai Selangor dan juga Sungai Kita. Ke arah itu, beliau menyarankan supaya perancangan rumah kediaman seharusnya berhadapan dengan sungai supaya dapat memandang keindahan alam semulajadi sungai dan seterusnya memupuk rasa kecintaan. Justeru itu berdasarkan prinsip yang sama, mungkin konsep perancangan ke atas lorong belakang harus berubah juga. Pada masa kini, fungsi lorong belakang di kawasan kediaman telah berubah kerana keperluan untuk servis telah disediakan di jalan hadapan rumah dan lorong belakang hanya tinggal sebagai langgau kebakaran saja. Keadaan lorong belakang seumpama *backdoor* yang terbiar begitu

kotor dan tidak diselenggarakan. Terdapat pula pemilik memagarkan jalan keluar/masuk lorong belakang kerana kekhawatiran keselamatan. Didapati bahawa kelebaran lorong belakang telah dikurangkan daripada 20 kaki kepada 10 atau 5 kaki saja. Persoalannya adakah lorong belakang masih perlu lagi dan memainkan peranannya? Adakah kita harus adakan satu *paradigm shift* dalam merekabentuk semula lorong belakang? Misalnya menjadikan kawasan lapang hijau untuk beriadah dan berkumpul air hujan. Memastikan bahagian belakang rumah bukan outlet untuk mengeluarkan air buangan cucian, asap kerana aktiviti memasak ataupun *unwanted scene* tetapi tempat berinteraksi dengan jiran lain.

- 3.9 Susulan pembinaan tembok penahan tanah bercerun di Taman Desa Karumas, Kajang baru-baru ini menunjukkan bahawa pemaju mempunyai tanggungjawab tanpa had masa untuk menunai janji dan melaksanakan sebarang syarat kelulusan pelan yang dikenakan. Mahkamah telah memutuskan bahawa walaupun projek diluluskan pada tahun 1997 dan sijil kelayakan menduduki bangunan telah dikeluarkan pada tahun 2001, namun sekiranya syarat yang dikenakan iaitu membina tembok penahan setinggi 4.5 meter di tanah bercerun tidak disediakan mengikut pelan kelulusan, maka pihak pemaju masih lagi bertanggungjawab menyempurnakannya walaupun had masa 6 tahun untuk mendaftar kes sivil telah berlalu. Seiring itu, beliau menghendaki semua jabatan teknikal menyemak semula syarat-syarat kelulusan terutamanya berkaitan penyediaan infrastruktur dan kemudahan sosial dan mengenalpasti tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pemaju, dan bukannya kepada Majlis semata-mata. Bagi cadangan projek pembangunan akan datang, kita haruslah memastikan syarat yang jelas dan ternyata dicatatkan dan dipantau dari segi pelaksanaan.
- 3.10 Justeru itu, beliau ingin menyatakan bahawa dalam mengenakan syarat kelulusan sesuatu permohonan serta merangka garis panduan kawalan perancangan, kita harus mengambilkira kapasiti kita dalam menjalankan tugas pengurusan, pengawasan dan penguatkuasaan. Adalah tiada gunanya kelulusan diberi dan syarat dikenakan tetapi tidak mampu kita kuatkuasakan. Beliau membangkitkan perkara ini kerana dalam Mesyuarat Majlis yang lepas, ahli majlis telah membangkitkan isu berkenaan kelulusan dan syarat diberikan ke atas cadangan pembangunan, namun mekanisma memantau pelaksanaan syarat-syarat ataupun langkah-langkah penambahbaikan infrastruktur yang seharusnya disediakan berserentak dengan projek pembangunan demi meremеди kesan negatif pembangunan adalah tidak efektif.



Ketidak-terlaksananya perkara ini akan menjejaskan perancangan dan juga menyebabkan kehilangan keyakinan penduduk kepada kita dalam membangunkan Petaling Jaya. Seiring itu, beliau mengingatkan jabatan-jabatan teknikal mengkaji semula syarat-syarat, garis panduan mahupun kelulusan projek yang “implementable” dan bersetarafan dengan kapasiti infraskrutur bandaraya kita yang harus kita percepatkan pelaksanaannya.

- 3.11 YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa, terdapat kejadian anggota penguatkuasa dcederakan semasa menjalankan tindakan mengunci kenderaan di dalam petak letak kereta OKU berhadapan dengan Restoran Paparich di Jalan Lapangan Merdeka, Seksyen 52, Petaling Jaya. Di dalam kejadian tersebut, anggota penguatkuasa telah dikasari kerana tidak berpuashati dengan tindakan yang dijalankan pada 21 Mac 2013.

Kes ini telah diserahkan kepada pihak polis dan pihak Majlis telah dimaklumkan bahawa kes tersebut telah dituduh pada 22 Mac 2013 di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan dan pesalah telah dijatuhkan hukuman denda RM 2000.00 dan penjara 1 hari.

Seterusnya YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengingatkan ahli mesyuarat agar mengosongkan tarikh 19 April 2013 (Jumaat) jam 10.00 pagi untuk Mesyuarat Majlis bulan April.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS:-**

##### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 2 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)**

- 4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 2 Tahun 2013 bertarikh 26 Februari 2013 telah diluluskan dengan pindaan bagi perkara 7.6.1 di muka surat 18 seperti berikut:-

- 7.6.1 Beliau membangkitkan isu bendera Parti Politik yang telah dipasang walaupun kempen belum bermula. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar tindakan di ambil dengan menurunkan bendera terutama bendera parti politik dan juga iklan haram yang digantung dipokok-pokok dan lain-lain tempat larangan kerana ianya mencemarkan permandangan di sekitar Petaling Jaya.



**4.2 MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 1 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)**

4.2.1 Minit Mesyuarat Khas Majlis bilangan 1 Tahun 2013 bertarikh 1 Februari 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.

**4.3 MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 2 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)**

4.3.1 Minit Mesyuarat Khas Majlis bilangan 2 Tahun 2013 bertarikh 25 Februari 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.

**5.0 LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-**

**5.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 2 TAHUN 2013 BERTARIKH 26 FEBRUARI 2013 (PENGGAL 2012/2013)**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.1	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Isu bendera Parti Politik yang telah dipasang walaupun kempen belum bermula.</li> </ul>	<p>Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan kini giat melaksanakan tindakan penurunan iklan haram dan dalam masa yang sama menurunkan bendera-bendera politik di sekitar Petaling Jaya. Pihak Jabatan juga mengambil tindakan penguatkuasaan penurunan bendera politik disekitar Petaling Jaya iaitu sebanyak 4,335 bendera parti politik bagi tahun 2012 dan 2,350 benderan parti politik sehingga 15 Mac 2013.</p> <p>Tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dari masa ke semasa.</p>

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.4	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. TIONG BOON KEONG</b></p> <p>- Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan diminta menyemak semula status penggunaan dewan di zon 22 oleh Rukun Tetangga.</p>	<p>Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan telah menghantar surat kepada Rukun Tetangga pada 18 Mac 2013 yang memaklumkan bahawa buat masa ini pihak Majlis hanya membenarkan aktiviti kemasyarakatan dijalankan di dewan tersebut. Sekiranya pihak Majlis mendapati terdapat aktiviti-aktiviti selain daripada aktiviti yang bercorak kemasyarakatan, pihak Majlis akan mengambil alih pengurusan dewan tersebut. Pada masa yang sama juga, pihak Rukun Tetangga diminta menyediakan laporan terkini penggunaan dewan berkenaan.</p>
7.5	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANTHONY SIVA BALAN A/L THANASAYAN</b></p> <p>- Beliau membangkitkan isu trafik di Seksyen 12 yang perlu diambil tindakan segera.</p>	<p>Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan telah menjalankan pemantauan di kawasan seksyen 12 dan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (MBPJ) 2007 dengan mengeluarkan sebanyak 119 kompaun bagi tempoh Januari – Mac 2013.</p>

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.11	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK RICHARD YEOH WONG WOI</b></p> <p>- SOP untuk menguruskan rumah-rumah terbiar di sekitar Petaling Jaya.</p>	<p>Pihak Jabatan akan meneruskan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dari masa ke semasa.</p> <p>SOP Menguruskan rumah terbiar oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran adalah seperti di lampiran A.</p> <p>Mesyuarat <u>memutuskan</u> agar SOP tersebut melibatkan lain-lain jabatan agar penyelarasan tindakan dapat dibuat. Sehubungan itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran diminta untuk menyelaraskan satu mesyuarat penyediaan SOP pengurusan rumah / bangunan terbiar bersama lain-lain jabatan yang terlibat.</p> <p><b>Tindakan: Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.</b></p> <p>Selain daripada itu, mesyuarat turut <u>memutuskan</u> agar majlis memaklumkan status tindakan kepada orang awam agar orang awam mengetahui aktiviti majlis.</p> <p><b>Tindakan: Pengarah, Unit Perhubungan Awam, MBPJ.</b></p>

**6. MENIMBANGKAN LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS****6.1 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 5 MAC 2013 DAN 18 MAC 2013.****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (60)]****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (62)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.2 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 7 MAC 2013.****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (20)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan: Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**

**6.3 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 11 MAC 2013.****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (07)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara iv) Kes S/S10/2011/11 di muka surat 18/28 perkara c) seperti berikut:-

- c) Mesyuarat mengambil maklum laporan kes di atas dan meminta Unit Perundangan menyemak semula kedudukan kes di atas dan melaporkan pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan: Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ, Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.**

6.3.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi turut memaklumkan bahawa SOP untuk lesen perniagaan dalam proses dikemaskini di mana satu bengkel telah dilaksanakan yang melibatkan agensi teknikal luar dan beberapa PBT pada 26 Mac 2013. Majlis akan dapat meningkatkan kecekapan dalam proses pengeluaran lesen-lesen perniagaan di MBPJ.

**Tindakan: Makluman.**

6.4 **LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 12 MAC 2013.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 (104)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

6.4.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan daripada Encik Richard Yeoh Wong Woi iaitu:-

- a) Penyediaan lintasan pejalan kaki di Seksyen 13 yang tidak diluluskan di dalam Mesyuarat Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas. Beliau berharap perkara ini dipertimbangkan memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan sesak.
- b) Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa perkara tersebut sedang dalam kajian di dalam program RKK.

6.4.3 Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan agar:-

- a) Pengarah Jabatan Kejuruteraan melaporkan status kerja-kerja atau program yang sedang dan akan dilaksanakan di dalam Mesyuarat Majlis (sebagaimana format OSC) untuk makluman.
- b) Ahli Majlis kawasan berperanan untuk memberi penerangan dan pendedahan berkaitan masalah sesuatu kawasan dan program-program atau kerja-kerja yang sedang dan akan dijalankan oleh majlis untuk pengetahuan penduduk Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,**

**6.5 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 14 MAC 2013.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (93)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

**6.6 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 15 MAC 2013.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (64)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.**

**6.7 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 15 MAC 2013 DAN 22 MAC 2013.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (93)]**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (95)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

6.7.2 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa majlis telah menubuhkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek bagi 4 zon yang akan diwakili oleh Ahli Parlimen, ADUN dan Ahli Majlis iaitu:-

- a) Jawatankuasa Pemantauan Projek PJU
- b) Jawatankuasa Pemantauan Projek PJS
- c) Jawatankuasa Pemantauan Projek Kelana Jaya
- d) Jawatankuasa Pemantauan Projek Subang

Jawatankuasa pemantauan projek ini akan bermesyuarat mulai bulan April 2013.

**Tindakan : Jurukur Bahan, MBPJ.**

**6.8 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN, KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 18 MAC 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (51)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.**

**6.9 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 19 MAC 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (57)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T ANTHONY**

7.1.1 Beliau mencadangkan agar Majlis membina satu lagi dewan banquet memandangkan dewan banquet sedia ada tidak dapat menampung permintaan untuk sewaan majlis perkahwinan dan lain-lain majlis oleh penduduk Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.**

7.1.2 Aduan berkaitan pemasangan 'EMF' di dalam kawasan padang sekolah Menengah Damansara Jaya dan berdekatan dengan rumah penduduk yang menimbulkan ketidakselesaan penduduk terhadap pancaran radiaksi. Perkara ini juga turut menjadi isu di kawasan Ahli Majlis yang lain di mana isu WIFI percuma turut dibangkitkan.



### 7.1.3 Mesyuarat memutuskan agar:-

- a) Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan meneliti perkara ini dan mengadakan satu mesyuarat bersama agensi terlibat bagi mencari jalan penyelesaian. Hasil perbincangan hendaklah dilaporkan di dalam maklum balas Mesyuarat Majlis untuk makluman.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.**

7.1.4 Beliau turut membangkitkan isu PJ Liveable City, PJ Green City yang diwar-warkan kepada umum akan tetapi secara dasarnya perkara ini belum dilaksanakan terutama dari segi infrastruktur dan peruntukan tahun lepas tidak digunakan. Sehubungan itu dipohon agar laporan projek dimaklumkan ke Mesyuarat Majlis.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MBPJ.**

## 7.2 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ**

7.2.1 Beliau mengulas isu anggota penguatkuasa yang dcederakan semasa menjalankan tindakan mengunci kenderaan di dalam petak letak kereta OKU berhadapan dengan Restoran Papparich di Jalan Lapangan Merdeka, Seksyen 52, Petaling Jaya dan tertuduh telah dijatuhkan hukuman denda RM2000.00 dan penjara 1 hari.

7.2.2 Beliau memaklumkan terdapat sebilangan kecil orang awam yang gagal mematuhi arahan atau undang-undang PBT dan marah bila dikenakan tindakan. Sebenarnya tindakan sebegini mendisiplinkan mereka agar sentiasa mematuhi peraturan untuk kebaikan semua dan beliau berharap orang awam menghormati undang-undang majlis.

**Tindakan : Makluman.**

## 7.3 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN CHEE KONG**

7.3.1 Beliau memaklumkan bahawa terdapat sekolah di Dewan BU 11 membuat kerja-kerja filing. Stop work order telah dikeluarkan namun kerja-kerja masih diteruskan seperti biasa. Beliau mencadangkan agar tindakan rampasan dibuat.

7.3.2 Mesyuarat memutuskan agar jabatan-jabatan terlibat menyenaraikan tindakan yang perlu diambil ke atas perkara tersebut memandangkan perkara ini merupakan perkara ulangan dan penduduk tidak menghormati peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh PBT.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan, MBPJ.**

7.3.3 Selain daripada itu peranan Ahli Majlis untuk memaklumkan bahawa WIFI percuma bukan dipasang di kawasan perumahan akan tetapi dipasang di tempat-tempat umum yang telah dikenal pasti. Mesyuarat turut memutuskan agar Timbalan Pengarah Teknologi Maklumat memaklumkan perkara ini di dalam laman web MBPJ.

**Tindakan : Ahli Majlis, MBPJ,  
Timbalan Pengarah Teknologi Maklumat, MBPJ.**

#### **7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL**

7.4.1 Beliau mencadangkan agar pegawai MBPJ yang menguruskan program low carbon city, PJ ke arah liveable City, Green City dihantar untuk berkursus bagi pemahaman untuk pelaksanaan perkara tersebut.

7.4.2 Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Ketua Unit OSC yang bekerja keras bagi menjayakan low carbon city di Petaling Jaya. Selain daripada itu, Ketua Unit OSC turut berusaha untuk memaklumkan berkaitan program tersebut kepada orang awam.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ,  
Makluman**

#### **7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANTHONY SIVA BALAN A/L THANASAYAN**

7.5.1 Beliau menyokong tindakan ke atas orang awam yang memcederakan anggota penguatkuasa. Kita kena serius dalam mengambil tindakan ke atas orang awam yang melanggar peraturan agar orang awam menghormati undang-undang majlis. Beliau berharap agar tindakan seperti ini diambil ke atas orang awam yang melanggar peraturan atau undang-undang majlis.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan, MBPJ.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG**

7.6.1 Beliau menyampaikan aduan daripada penduduk SS 2D berkenaan isu WIFI di mana keputusan telah ada akan tetapi pelaksanaan tiada. Beliau berharap agar pelaksanaan WIFI dipercepatkan.

7.6.2 Beliau amat bersetuju dengan perutusan YBhg. Datin Paduka Pengerusi agar wujudnya kerja berpasukan di antara jabatan dengan jabatan dan jabatan dengan Ahli Majlis agar segala jenis aduan atau masalah-masalah di Petaling Jaya dapat diselesaikan tanpa menuding jari kepada jabatan lain. Maklum balas aduan hendaklah dikemukakan kepada pengadu untuk memaklumkan status aduan sama ada sedang atau telah diambil tindakan.

7.6.3 Sehubungan dengan itu, mesyuarat memberikan masa seminggu kepada Unit Aduan untuk memberi maklum balas aduan kepada penduduk. Pengarah Aduan Awam diminta menelaraskan perkara ini dengan ketua jabatan terlibat.

**Tindakan : Pengarah, Unit Aduan, MBPJ,  
Semua Ketua Jabatan, MBPJ.**

**7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KANDEAH A/L SUBRAMANIAM**

7.7.1 Beliau membangkitkan isu kecurian kabel di Kota Damansara yang semakin serius. Masalah ini berterusan walaupun kerja-kerja pembaikan telah dibuat. Perkara ini mengakibatkan kos penyelenggaraan ke atas

7.7.2 perkara tersebut meningkat.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

7.8.1 Beliau menyokong cadangan Puan Cynthia Gabriel agar pegawai terlibat dihantar berkursus untuk menjayakan pelaksanaan PJ Liveable City yang diwar-warkan tahun lepas akan tetapi sehingga tahun ini pelaksanaan masih belum dibuat. Dengan adanya kursus ini diharap agar pasukan Liveable City dapat menjayakan program sebagaimana perancangan.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan dan meminta agar Ketua Jabatan menyediakan laporan terutama berkaitan dengan aduan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis pada 19 April 2013 ini.



**(PUASA BIN MD TAIB),**  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**Bertarikh : 29 Mac 2013**

**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

01. YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad, Datuk Bandar, MBPJ, - Pengerusi
02. Encik Puasa bin Md Taib, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ,
03. Encik Derek John Fernandez, Ahli Majlis, MBPJ,
04. Encik Mahharul bin Ismail, Ahli Majlis, MBPJ,
05. Encik Richard Yeoh Yong Woi, Ahli Majlis, MBPJ,
06. Encik Chan Chee Kong, Ahli Majlis, MBPJ,
07. Puan Cynthia Gabriel, Ahli Majlis, MBPJ,
08. Tuan Ir. Tiong Boon Keong, Ahli Majlis, MBPJ,
09. Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin, Ahli Majlis, MBPJ,
10. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, Ahli Majlis, MBPJ,
11. Encik Tony Cheong Siew Thong, Ahli Majlis, MBPJ,
12. Encik Kandeah, Ahli Majlis, MBPJ,
13. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ,

14. Encik Azri bin Mohamad Arish,  
Ahli Majlis, MBPJ,
15. Puan Norliana binti Mohamad,  
Ahli Majlis, MBPJ,
16. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,  
Ahli Majlis, MBPJ,
17. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ,
18. Encik Lee Chin Cheh,  
Ahli Majlis, MBPJ,
19. Encik Azman bin Yusof,  
Ahli Majlis, MBPJ,
20. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ,
21. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah,  
Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Encik Zain Azly bin Abdul Rahman,  
Wakil Pengarah,  
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Haji Cheremi bin Tarman,  
Pengarah,  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah,  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah,  
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah,  
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah,  
Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah,  
Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Pengarah (Undang-undang),  
Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Zainun binti Zakaria,  
Wakil Pengarah (Perhubungan Awam),  
Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam,  
Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. YM. Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam,  
Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,  
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,  
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),  
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Puan Azizah binti Haji Kosni,



Wakil Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.

19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Timbalan Pengarah (Pelesenan),  
Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Encik Zey Iskandar bin Mohd Jalil,  
Wakil Penolong Pengarah Kanan (Korporat),  
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (PJU).
02. Puan Kasthuriraani a/p Patto,  
Wakil ADUN Angkat Bukit Gasing.
03. Encik Michael Soon Kwai Choy,  
Wakil ADUN Damansara Utama.

**TURUT HADIR :**

01. Puan Ruzaida binti Tormodi,  
Penolong Pengarah (Undang-undang),  
Unit Perundangan, MBPJ.
02. Encik Ismathinoon bin Abdul Rahman,  
Penolong Pengarah (Kawalan Bangunan),  
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.

**URUSETIA :**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,

**SULIT**

Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



**SULIT**

**SULIT**



**SULIT**